

Kempen Rebat Pemasangan KHIND 2023

Terma & Syarat Kempen

1) Penganjur

- “Kempen Rebat Pemasangan KHIND 2023” (“Kempen”) dianjurkan oleh KHIND Marketing (M) Sdn Bhd. (442421-A) (“Penganjur”).

2) Kelayakan

- Penebusan rebat ini terbuka kepada semua penduduk di Malaysia yang berumur 18 tahun dan ke atas dengan pemilikan akaun e-Wallet Touch ‘n Go yang sah.
- Sekiranya mana-mana Peserta yang didapati tidak layak semasa atau selepas Tempoh Kempen, Penganjur berhak untuk membatalkan penyertaan dan menarik balik rebat yang diterima oleh Peserta. Sekiranya Peserta gagal untuk memenuhi kriteria kelayakan yang telah ditetapkan oleh Penganjur, Peserta bersetuju untuk bertanggungjawab dengan memberi pampasan kepada Penganjur atas kos rebat.

3) Tempoh Kempen

- Pembelian daripada pelanggan Semenanjung Malaysia, Kempen berlangsung dari 1 Oktober, 12:00:00 pagi sehingga 30 November 2023, 11:59:59 malam (dirujuk sebagai “Tempoh Kempen”).
- Pembelian daripada pelanggan Sabah & Sarawak, Kempen berlangsung dari 1 November, 12:00:00 pagi sehingga 31 Disember 2023, 11:59:59 malam (dirujuk sebagai “Tempoh Kempen”).
- Penganjur berhak memendekkan atau memanjangkan Tempoh Kempen tanpa memberi sebarang notis terlebih dahulu.
- Sebarang penyertaan yang diterima sebelum/selepas Tempoh Kempen tidak akan diterima.

4) Cara Penyertaan

- Kempen adalah terbuka kepada semua pelanggan dengan pembelian sah di kedai secara fizikal atau dalam talian atau melalui pengedar sah KHIND. Setiap penyertaan mesti memenuhi syarat keperluan pembelian kipas siling hiasan baru KHIND.

- Setiap peserta hanya layak untuk maksimum tiga (3) rebat seorang sepanjang Tempoh Kempen berlangsung.

Contoh: Peserta yang telah memperoleh tiga rebat semodel tidak layak untuk menerima rebat lagi bagi model lain.

- Rebat adalah terhad dan diagihkan pada asas pertama datang, pertama berkhidmat (first-come, first-served basis).
- Peserta mesti mengimbas kod QR yang disediakan dan menyerahkan maklumat berikut ke WhatsApp nombor (013-4040960) untuk sertai Kempen:
 - i. Nama Penuh (seperti yang tertera pada kad pengenalan)
 - ii. Nombor kad pengenalan (MyKad)
 - iii. Alamat e-mel
 - iv. Bukti pembelian (Resit)
- Hanya penyertaan lengkap sahaja yang layak untuk penebusan rebat. Peserta bertanggungjawab untuk memastikan segala maklumat yang diberikan adalah tepat, terkini dan dilengkapi dengan resit atau invois yang sah. Penganjur tidak akan melayan sebarang permintaan Peserta untuk sebarang kesilapan atau kesalahan yang dilakukan oleh Peserta.
- Penganjur berhak untuk membatalkan penyertaan mereka sekiranya Peserta tidak mematuhi Terma & Syarat Kempen tanpa notis terlebih dahulu kepada Peserta.
- Peserta perlu memberikan maklumat peribadi yang sah dan lengkap, terutamanya nombor telefon dan alamat e-mel, sekiranya sebarang maklumat lanjut diperlukan dalam proses penebusan. Penganjur tidak bertanggungjawab ke atas sebarang nama atau alamat penghantaran tidak tepat yang diberikan oleh Peserta.

5) Penebusan Rebat

- Setiap pembelian kipas siling adalah layak untuk satu rebat sepanjang Tempoh Kempen. Jumlah rebat adalah seperti berikut:

a. Jumlah rebat: 1 x RM50 atau 1 x RM100.

- Peserta akan menerima jumlah rebat mengikut model kipas siling yang dibeli seperti berikut:

Jumlah Rebat	Model Kipas Siling
RM50	CF56DC1R, CF56DC2R,

	CF56DC3RL, CF56DC4RL
RM100	CF56DC5R & CF56DC6RL

- Rebat akan dikeluarkan melalui PIN e-Wallet Touch ‘n Go.
- Penganjur berhak untuk menentukan atau mengubah suai rebat yang layak diterima oleh Peserta tanpa sebarang notis.
- Keputusan Penganjur adalah muktamad dan tidak boleh dirunding, dan sebarang pertikaian tidak akan dilayan.

6) Proses Penebusan Rebat

- Peserta akan dihubungi melalui WhatsApp atau medium komunikasi yang bersesuaian (e-mel) seperti yang ditentukan oleh Penganjur.
- Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi 013-4040960 (WhatsApp) atau e-mel kepada campaign@khind.com

Pengagihan Rebat: PIN e-Dompot Touch ‘n Go akan dihantar dalam masa 14 hari bekerja dari hari Peserta menyerahkan resit pembelian. Peserta perlu menggunakan rebat dalam tempoh 6 bulan setelah menerima PIN e-Dompot Touch ‘n Go daripada Penganjur.

7) Terma & Syarat Tambahan

- Semua keputusan yang dibuat oleh Penganjur mengenai dengan Kempen ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada pemilihan penebusan yang sah (jika ada) adalah muktamad. Penganjur tidak akan melayan sebarang surat-menyurat atau rayuan.
- Semua pengagihan rebat tidak boleh dipindah milik, tidak dapat dikembalikan dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai dan hanya akan disampaikan kepada Peserta yang layak.
- Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya terdapat sebarang penangguhan maklumat dalam sebarang bentuk kepada para Peserta.
- Penganjur tidak akan menanggung mana-mana perbelanjaan tambahan yang dilakukan oleh Peserta selain perbelanjaan yang telah ditanggung dalam Kempen ini.

- Pihak Penganjur berhak, mengikut budi bicara mutlakanya, untuk menolak mana-mana Peserta yang didapati atau disyaki mengganggu mekanik Kempen, memanipulasi pengendalian Kempen ini atau melanggar terma dan syarat ini.
- Penganjur tidak bertanggungjawab sekiranya Kempen ini tidak boleh dikendalikan disebabkan apa jua alasan, termasuk tetapi tidak terbatas pada, jangkitan oleh virus komputer, kesilapan, gangguan, campur tangan yang tidak sah, kegagalan teknikal, kegagalan rangkaian komunikasi, kegagalan perkakasan dan/atau perisian, kegagalan penghantaran, kegagalan talian internet dan/atau kegagalan sambungan lain. Penganjur boleh, dengan atau tanpa notis, melakukan keputusan yang dianggap sesuai termasuk membatalkan dan/atau menangguhkan Kempen ini.
- Penganjur, sekutu, anak syarikat, dan ejennya tidak akan bertanggungjawab atas perkara berikut:
 - i. Sebarang kegagalan teknikal;
 - ii. Campur tangan oleh pihak yang tidak dibenarkan semasa Tempoh Kempen;
 - iii. Kesilapan elektronik atau manusia dalam pentadbiran Kempen dan memproses penyertaan;
 - iv. Sebarang kemasukan data yang hilang, dicuri, rosak, dihantar secara salah atau tidak diterima yang bukan disebabkan oleh kecuaiian atau kemungkiran secara sengaja dari Penganjur.
- Semua Peserta bersetuju untuk memikul tanggungjawab dan bertanggungjawab sepenuhnya sejauh mana yang dibenarkan oleh undang-undang sekiranya berlaku sebarang kehilangan, kecelakaan, kecederaan, kerosakan, tuntutan, atau kemalangan (termasuk kematian) yang dialami akibat atau yang bakal timbul daripada penyertaan Peserta dalam Kempen, proses penebusan rebat dan/atau semasa penggunaan penebusan rebat.
- Penganjur berhak untuk mengubah, menambah, atau menghapuskan Kempen pada bila-bila masa tanpa sebarang notis awal kepada Peserta. Peserta bersetuju untuk mematuhi sebarang perubahan. Sekiranya berlaku sebarang perubahan, Penganjur akan memaklumkan kepada Peserta melalui mod komunikasi yang dianggap sesuai oleh Penganjur.
- Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pembatalan, penamatan, atau penangguhan oleh Penganjur, Kempen tidak akan memberi hak kepada Peserta untuk tuntutan atau pampasan terhadap Penganjur atas sebarang atau semua kerugian atau kerosakan yang dialami, atau kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Peserta sama ada secara langsung dan/atau tidak langsung timbul dari atau berkaitan dengan pembatalan, penamatan, atau penangguhan Kempen oleh Penganjur.

- Terma dan syarat ini akan ditadbir dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia.
- Dengan menyertai Kempen ini, Peserta dianggap telah membaca, memahami, dan bersetuju untuk mematuhi Terma dan Syarat ini, dan menerima bahawa semua keputusan oleh Penganjur adalah muktamad.

8) Data Peribadi

- Semua butiran penyertaan yang dihantar untuk Kempen ini akan menjadi hak milik Penganjur.
- Penganjur berhak untuk menggunakan, menerbitkan, mendedahkan, atau menampilkan nama, alamat, gambar, rakaman, butir-butir dan/atau mendokumen semua Peserta untuk tujuan pengiklanan dan publisiti, tanpa pampasan kepada Peserta (atau jika ada, wakil mereka yang sah).
- Perlindungan data peribadi menjadi perhatian penting bagi Penganjur. Data peribadi yang dikumpulkan dalam borang penyertaan dan sebagaimana yang diberikan oleh Peserta untuk tujuan Kempen ini akan diproses sesuai dengan Notis Perlindungan Data Peribadi KHIND Marketing (M) Sdn Bhd. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta memberikan persetujuannya kepada Penganjur dalam memproses data peribadinya dengan cara yang dinyatakan dalam Notis Perlindungan Data Peribadi dan membenarkan pihak Penganjur untuk menghubungi Peserta mengenai Kempen ini.
- Peserta boleh memilih untuk menerima bahan pemasaran dan komunikasi daripada pihak Penganjur untuk acara, promosi, produk dan perkhidmatan, maklumat, dan aktiviti pemasaran dan promosi yang akan datang, ataupun boleh memilih untuk tidak ikut serta menerima komunikasi tersebut pada bila-bila masa dengan memilih pilihan "berhenti langganan" dalam komunikasi tersebut atau melalui sebarang bentuk mod komunikasi.
- Peserta bersetuju bahawa Penganjur berhak untuk mendedahkan maklumat Peserta sekiranya Penganjur percaya bahawa pendedahan sedemikian diperlukan untuk mengenal pasti, menghubungi atau membawa tindakan undang-undang terhadap individu yang mungkin menyebabkan kerosakan atau mengganggu (sama ada secara sengaja atau tidak) dengan hak atau harta benda Penganjur, yang boleh menyebabkan sebarang kerugian oleh aktiviti tersebut. Penganjur juga boleh mendedahkan data peribadi sekiranya diperlukan oleh mahkamah undang-undang atau badan lain yang berkaitan.

- Peserta mungkin menerima mesej promosi yang akan datang daripada Penganjur dimana Peserta boleh memilih untuk tidak ikut serta pada bila-bila masa melalui pautan berhenti langganan dalam mesej promosi itu sendiri.
- Sila rujuk pautan di bawah untuk membaca lebih lanjut mengenai:-
[Dasar Privasi KHIND Malaysia](#)
[Akta Perlindungan Data Peribadi 2010](#)